

## DASAR MENJALANKAN AKTIVITI PELAJAR

### 1.0 Definisi

Merupakan prosedur yang digunakan untuk rujukan mahasiswa, JHEPA dan warga UMP bagi memberi pemahaman dan melahirkan mahasiswa yang cakna kepada proses dan prosedur dalam menjalankan sesebuah aktiviti yang dikendalikan oleh pelajar.

### 2.0 Latar Belakang

Bagi melahirkan mahasiswa yang holistik, penglibatan mahasiswa di dalam aktiviti kokurikulum adalah menjadi agenda utama Universiti.

Setiap aktiviti yang ingin dijalankan oleh pelajar perlu melalui Badan Pelajar yang berdaftar di bawah JHEPA dengan berdasarkan kepada 8 teras yang terkandung di dalam **Dasar Kokurikulum**.

8 Teras Pembangunan Mahasiswa terdiri daripada:

- i. Kepimpinan
- ii. Kebudayaan
- iii. Kesukanan
- iv. Khidmat Komuniti
- v. Kesukarelawan
- vi. Keusahawanan
- vii. Daya Usaha & Inovasi
- viii. Pengucapan Awam

Aktiviti pelajar yang dijalankan hendaklah menyokong nilai teras misi dan visi UMP.

### 3.0 Objektif

- 3.1 Menjadi panduan dan peraturan kepada mahasiswa dan warga UMP mengenai tatacara menjalankan Aktiviti Pelajar.
- 3.2 Menyediakan ruang dan peluang kepada mahasiswa untuk melibatkan diri dalam aktiviti berpersatuan di Universiti.
- 3.3 Menyokong hasrat Universiti iaitu “1 Mahasiswa 1 Aktiviti”.

- 3.4 Melahirkan mahasiswa yang bersifat holistik ke arah pembentukan modal insan iaitu berkemahiran dan berpengetahuan selari dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi.

#### **4.0 Cadangan**

- 4.1 Jenis Pembiayaan  
Tabung Mengurus/ Tabung Amanah Aktiviti Pelajar

- 4.2 Kelayakan  
Pelajar Pra-siswazah yang berstatus Aktif.

- 4.3 Syarat

##### **Dalam Negara**

- i) Sebarang aktiviti yang akan dijalankan perlu melalui PTJ/ Badan Pelajar berdaftar di bawah Universiti dengan kelulusan Timbalan Naib Canselor.
- ii) Setiap aktiviti yang dijalankan perlu menggunakan pengangkutan darat kecuali Sabah dan Sarawak.
- iii) Penginapan pelajar perlulah mengambilkira kos yang termurah dan jarak terdekat/ hampir ke tempat program.
- iv) Elaun makan/minum pelajar adalah tertakluk kelulusan JHEPA.

##### **Luar Negara**

- i) Sebarang aktiviti yang akan dijalankan perlu melalui PTJ/ Badan Pelajar berdaftar di bawah Universiti dengan kelulusan Naib Canselor
- ii) Setiap aktiviti yang dijalankan perlu menggunakan penerbangan tambang murah.
- iii) Penginapan pelajar perlulah terdekat/hampir ke tempat program.
- iv) Elaun makan/minum pelajar adalah tertakluk kepada kadar elaun Negara yang dilawati.
- v) Visa, insurans dan yuran penyertaan ditanggung oleh pihak Universiti
- vi) Pasport dan Elaun baju panas adalah di bawah tanggungan pelajar.

- 4.4 Pembiayaan  
Peruntukan program berdasarkan kelulusan JHEPA manakala peruntukan bagi pelajar antarabangsa adalah di bawah tanggungan Pejabat Antarabangsa.

- 4.5 Perbandingan  
Tiada